

**TEKS UCAPAN DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI**  
**BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR**  
**MAJLIS UPACARA PECAH TANAH PUSAT KOMUNITI BAKTI**  
**28 MEI 2002**

Terlebih dahulu ingin saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan restuNya sahaja dapat kita berkumpul pada pagi ini yang sekali lagi menjadi sejarah bagi BAKTI hari ini.

2. Bagi pihak BAKTI, saya mengalu-alukan kehadiran para hadirin yang sudi meluangkan masa untuk bersama meraikan hari yang bersejarah ini. BAKTI mengucapkan berbanyak terima kasih khas kepada YAB Perdana Menteri yang jua Penaung BAKTI dan kepada semua tetamu jemputan.

3. Pada tahun 1998 bulan September, upacara pecah tanah diadakan di Sungai Buloh untuk pembinaan sebuah Kompleks Penyayang BAKTI yang diuruskan sebagai perkongsian bestari antara Kerajaan, NGO (BAKTI) dan pihak swasta. Bangunan kompleks itu telah siap pada tahun 2001 dan BAKTI telah menyerahkan Kompleks itu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor yang memiliki tapak tanah Kompleks tersebut.

4. Sejak 1993 dahulu lagi, Kerajaan telah menawarkan kepada BAKTI dan Badan-Badan NGO lain sekeping tanah seluas 2 ekar di Bukit Kiara, dengan syarat "bangunan yang didirikan di atas tanah itu hendaklah digunakan untuk bangunan pejabat dan aktiviti berkaitan dengan pertubuhan dan kebajikan sahaja".

5. BAKTI telah menerima tawaran itu dan menubuhkan Jawatankuasa Khas Bangunan yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua BAKTI sendiri. Jawatankuasa telah mengkaji dan menyelaras ciri-ciri pembangunan dengan tujuan memajukan aktiviti-aktiviti BAKTI di dalamnya.

6. Dari segi kewangan, BAKTI telah bermula mengumpul dana khas untuk Bangunan. Setiap tahun, BAKTI telah membelanjakan 70 - 85 peratus dari derma yang diterima itu untuk kebajikan, bencana alam dan dermasiswa. Perbelanjaan untuk mentadbir dijamin dan bakinya disimpan sebagai dana untuk Bangunan. Ini adalah peraturan yang dilakukan oleh BAKTI kerana kali ini, BAKTI tidak berkongsi dengan mana-mana pihak kerana projek bangunan ini akan dimiliki oleh BAKTI sepenuhnya.

7. Pada tahun lalu, BAKTI telah mengelolakan Majlis Malam Amal untuk mendapat dana mengisi Tabung Bangunan BAKTI untuk pembinaan Pusat Komuniti BAKTI di Bukit Kiara. Alhamdulillah, dengan kemurahan hati para dermawan BAKTI dapat capai sasaran untuk mendirikan Pusat Komuniti lebih awal daripada dijangka.

8. Pada bulan April 2001, Tetuan DBA Arkitek dilantik untuk membantu BAKTI

merancang pelan-pelan bangunan ini yang merangkumi sebuah blok empat tingkat dan dua blok dua tingkat.

9. Pusat Komuniti BAKTI (P.K.B.) akan dilengkapi dengan kemudahan kemasyarakatan untuk semua lapisan masyarakat, iaitu kemudahan khidmat kaunseling, khidmat latihan dan kemahiran bagi orang cacat, khidmat tenaga kesukarelaan remaja dan warga emas, perpustakaan, pusat dialisis dan lain-lain. BAKTI akan berpejabat di situ dan tidak lagi dari kediaman ahli-ahli.

10. Pada bulan Mei ini, BAKTI meraikan Jubli Peraknya. Setelah 25 tahun wujudnya BAKTI, barulah kini impian untuk mempunyai bangunannya sendiri bagi menempatkan berbagai khidmat kebajikan masyarakat yang dijalankan selalu tercapai. Alhamdulillah.

11. Revteam Sdn Bhd telah berjaya dalam "tender" untuk pembinaan P.K.B. dan akan bermula selepas Majlis Pecah Tanah ini. BAKTI mengharapkan P.K.B. Bukit Kiara ini akan siap dalam masa 12 bulan, Insya-Allah, dengan berkat dari Allah S.W.T. Majlis Pecah Tanah ini adalah satu-satunya acara perayaan Jubli Perak BAKTI dan ini mungkin tidak dapat diaturkan tanpa pertolongan dan kerjasama berbagai pihak. Bagi pihak BAKTI, saya merakamkan berbanyak terima kasih kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pihak-pihak berkuasa yang memberi kelulusan yang diperlukan.

12. BAKTI mengucapkan sanjungan tinggi dan terima kasih kepada kumpulan Perunding Profesional yang menawarkan khidmat mereka dengan percuma. Mereka adalah:

|                       |   |                       |
|-----------------------|---|-----------------------|
| DBA Arkitek Sdn Bhd   | - | Arkitek               |
| Perunding Bersatu     | - | Consulting Engineers  |
| Perunding NFL Sdn Bhd | - | Quantity Surveyors    |
| Pentago Sdn Bhd       | - | Landscape Consultants |

13. Terima kasih banyak.

14. Saya mengakhiri ucapan ini dengan sekali lagi mengucapkan penghargaan tinggi kepada YAB Perdana Menteri yang akan melaksanakan upacara pecah tanah sebentar lagi, dan juga kepada semua tetamu-tetamu Kehormat, tuan-tuan dan puan-puan yang sama meraikan hari bersejarah BAKTI ini.

15. Semoga Allah S.W.T. memberi keberkatan dan kejayaan kepada BAKTI untuk BAKTI terus berkhidmat kebajikan kepada masyarakat, Insya-Allah.